

**Najib Saksi Pemeteraian Perjanjian B2B Bernilai AS\$5 Bilion
Bernama
4 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Jumaat menyaksikan pemeteraian perjanjian perniagaan dengan perniagaan (B2B) bernilai AS\$5 bilion antara Malaysia dan China, yang mencerminkan hubungan ekonomi yang lebih kukuh antara kedua-dua negara.

Turut hadir Presiden China Xi Jinping, yang kini berada di Malaysia untuk lawatan negara tiga hari, mulai Khamis.

Lapan perjanjian B2B ditandatangani dalam bidang penyahgaraman air, harta intelek dan pembiayaan.

Projek itu yang merangkumi tempoh lima tahun, diumumkan sebelum itu oleh Menteri Perdagangan China, Gai Hucheng.

Usaha sama itu termasuk memorandum perjanjian antara AirAsia Bhd dan ICBC Financial Leasing Co Ltd mengenai kemudahan pembiayaan pesawat bernilai AS\$1 bilion.

Sunsuria Development Sdn Bhd menandatangani perjanjian rangka kerja pelaburan dan pembiayaan dengan China Development Bank bagi membangunkan kampus Universiti Xiamen Malaysia.

"Menerusi pelaburan kira-kira RM1.2 bilion, kampus di kawasan 60 hektar itu mampu menampung 10,000 pelajar dan merupakan satu lagi kejayaan besar kerjasama dua hala kita dalam pendidikan," kata kepada 1,000 perwakilan yang menghadiri Sidang Kemuncak ekonomi Malaysia-China di sini.

Perdana Menteri berkata menerusi pembukaan kampus itu, Malaysia dijangka menarik lebih ramai pelajar antarabangsa dari China dan tempat lain, memanfaatkan kedudukan strategiknya dan bukan sekadar menjadi tuan rumah beberapa kampus cawangan universiti antarabangsa dan bertaraf dunia, bahkan dalam Asean.

Sementara itu beliau berkata jualan 40 peratus kepentingan dalam Pelabuhan Kuantan oleh IJM Corp Bhd kepada Guangxi Beibu Gulf International Port Group Co Ltd, bakal menyaksikan peningkatan kapasiti dan perkhidmatan antara Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Weifang di China.

Ia juga akan memberi sumbangan positif kepada dagangan luar, kata Najib yang juga Menteri Kewangan.

Selain perjanjian perniagaan dengan perniagaan, Naib turut menyaksikan perjanjian kerajaan dengan kerajaan dalam bidang sains, teknologi dan kerjasama selain kerjasama ekonomi dan perdagangan lima tahun, mulai tahun ini hingga 2017.

Kedua-dua negara juga memeterai perjanjian bagi membuka Taman Perindustrian China-Malaysia Qinzhou.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=983244>